



**ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN LTAT-YAYASAN LTAT
(AKP LTAT-YAYASAN LTAT)
SKIM DERMASISWA PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3)**



(Sumbangan Syarikat Kumpulan LTAT)

*** KEGAGALAN MEMATUHI SYARAT-SYARAT DI BAWAH AKAN MENGAKIBATKAN PERMOHONAN AKP LTAT-YAYASAN LTAT PELAJAR DITOLAK.**

KELAYAKAN DAN SYARAT PERMOHONAN

1. Menduduki peperiksaan PT3 pada tahun 2018.
 - a. Seorang warganegara Malaysia.
 - b. Memperolehi 6A ke atas dan **wajib mendapat A** bagi salah satu mata pelajaran Bahasa Melayu. (Lisan atau Bertulis).
 - c. Mata pelajaran yang diambil kira;
 1. Bahasa Melayu Lisan
 2. Bahasa Melayu Bertulis
 3. Bahasa Inggeris Lisan
 4. Bahasa Inggeris Bertulis
 5. Matematik
 6. Sains
 7. Pendidikan Islam
 8. Kemahiran Hidup Bersepadu
 9. Sejarah
 10. Geografi
 11. Bahasa Tambahan (Arab, Cina, Tamil, Iban dan Kadazandusun)
2. Butiran dalam borang dan dokumen yang difotokopi tetapi tidak terang/jelas atau tidak lengkap sepertimana yang dikehendaki akan menyebabkan kegagalan dalam permohonan.
3. Butiran nama penerima dan nama bapa di dalam Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Slip Keputusan Peperiksaan dan Buku Akaun hendaklah sama dari segi ejaan nama.
4. Sebarang perubahan kepada keputusan peperiksaan yang diluluskan oleh pihak Kementerian Pendidikan hendaklah disertakan bersama slip keputusan yang terdahulu.
5. Borang permohonan bagi anak-anak ATM/Kerahan Sepenuh Masa di mana ibu/bapa masih dalam perkhidmatan hendaklah diserahkan melalui Jabatan Arah Pendidikan ATM.
6. Borang permohonan anak-anak Veteran ATM/Kerahan Sepenuh Masa di mana ibu/bapa telah tamat perkhidmatan hendaklah diserahkan melalui Persatuan Veteran ATM Bahagian/Cawangan negeri masing-masing.
7. Semua bayaran AKP LTAT-Yayasan LTAT akan dikreditkan ke dalam akaun Bank Simpanan Nasional (BSN)/Affin Bank (**akaun di atas nama pelajar sahaja**). **Pelajar tidak dibenarkan menukar nombor akaun sehingga kesemua pembayaran dermasiswa selesai dibuat.**

SENARAI SEMAK:

Sila lampirkan **sesalinan dokumen berikut bersaiz kertas A4** yang telah disahkan oleh Pasukan/Persatuan Veteran ATM/Pihak Sekolah bersama-sama borang permohonan.

1. Kad Pengenalan (KP)/KP sementara Pelajar
2. Sijil Kelahiran Pelajar
3. Surat Pengesahan Akaun Bank BSN/Affin.
4. Keputusan Peperiksaan PT3
5. My Tentera/BAT D 92
6. PERBAH II Pasukan bagi anak angkat/tiri

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Jabatan Arah Pendidikan ATM/Persatuan Veteran ATM Bahagian/Cawangan **pada atau sebelum 15 Mac 2019.**

MAKLUMAT PENTING

1. Bantuan diberi adalah bergantung kepada kedudukan kewangan dan jumlah dana yang diterima daripada Syarikat Kumpulan LTAT.
2. Selepas pembayaran pertama dibuat, bayaran seterusnya adalah tertakluk kepada penghantaran keputusan peperiksaan akhir tahun.
3. Keputusan peperiksaan akhir tahun pelajar perlu dihantar pada atau sebelum 28 Februari tahun berikutnya. Kelewatan/kegagalan menghantar keputusan peperiksaan akhir tahun dan tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan mengakibatkan pelajar gagal menerima bayaran tahun kedua. Sila catat **No. Tentera ibu/bapa, nama pelajar dan No. Kad Pengenalan** di salinan **Keputusan Peperiksaan Akhir Tahun** pelajar yang telah disahkan oleh pihak sekolah.
4. Setiap keputusan peperiksaan akhir tahun pelajar perlu dihantar kepada Jabatan Arah Pendidikan ATM dan Persatuan Veteran ATM Cawangan/Bahagian masing-masing.
5. Semua dokumen di atas tidak akan dikembalikan kepada pemohon.
6. Permohonan yang tidak layak memohon:
 - * Anak-Anak bekas askar Wataniah bukan sepenuh masa.
 - * Anak-anak bekas Tentera British.
 - * Anak Angkat/Anak Tiri yang diambil selepas tamat perkhidmatan.

PERINGATAN

Borang yang dihantar terus kepada Yayasan LTAT akan ditolak dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.